

## KATA-KATA ALUAN MAJALAH SEKOLAH 2019

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabaraktuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia-Nya kita dapat bertemu lagi pada tahun 2019 ini. Saya mendoakan agar semua sidang redaksi majalah sekolah senantiasa berada dalam keadaan sihat serta mendapat rahmat Allah. Sempena penerbitan majalah sekolah ini, saya mengambil kesempatan untuk menulis sepatah dua kata sebagai pencetus semangat kepada Sidang Redaksi 2019.

Kita semua mempunyai peranan dalam memastikan perancangan dan pembangunan dilaksanakan secara mampan. Pembangunan yang seimbang haruslah tidak menumpukan kepada pembangunan fizikal yang bersifat kebendaan dan luaran sahaja tetapi juga pembangunan insan yang mempertimbangkan faktor-faktor kerohanian dan penghayatan nilai-nilai murni dalam sebarang bentuk dan tindakan pembangunan. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah merangka Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025 (PPPM) bagi menyediakan murid menghadapi cabaran pendidikan abad ke-21. Berbagai program telah kita laksanakan dalam kita mencipta begitu banyak kejayaan. Apa yang kita usahakan ini signifikan dalam merangkai titik-titik seperti yang dihasratkan oleh Yang Berbahagia Datuk Dr.Amin b Senin, Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia.

Saya menghargai komitmen semua guru dan murid-murid yang berjaya menghasilkan majalah sekolah dengan memuatkan pelbagai kenangan serta kejayaan sekolah. Kita sedia maklum bahawa majalah sekolah sangat penting sebagai buku catatan sejarah pelbagai episod kemenangan murid untuk rujukan masa akan datang. Sekalung penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga diucapkan. Marilah kita berdoa agar kita sama-sama diberikan taufik dan hidayah atas usaha kita menghasilkan majalah yang sangat bermanfaat ini.

Akhir kalam, saya mengucapkan Selamat Maju Jaya kepada semua Sidang Redaksi majalah sekolah seluruh Negeri Johor. Harapan dan doa saya, semoga tahun 2019 dan tahun-tahun yang akan datang, kita dapat meneruskan kecemerlangan serta memahat kejayaan yang lebih gemilang.

Sekian, Wassalam dan terima kasih.



(AZMAN BIN ADNAN)

Pengarah Pendidikan Negeri Johor